

25 JAN 2001
Mahathir-Pas

UMNO TAK HALANG PAS SERTAI BN JIKA DITERIMA PARTI KOMPONEN LAIN

JITRA, 25 Jan (Bernama) -- Umno tidak akan menghalang penyertaan Pas dalam Barisan Nasional (BN) sekiranya ia diterima oleh parti-parti gabungan lain dalam komponen berkenaan, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kalau Pas nak masuk BN, terpulang kepada parti-parti komponen lain dalam BN untuk putuskan. Umno tidak akan menentang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Aidilfitri anjuran Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu di sini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita sama ada Umno akan menghalang sekiranya Pas ingin menyertai BN.

Ditanya adakah Umno akan mempelawa Pas menyertai Umno, Dr Mahathir berkata Umno menerima sesiapa sahaja untuk menyertai parti itu.

"Selama inipun, ramai anggota Pas menyertai Umno. Kita bersikap terbuka. Namun begitu, saya tidak fikir Pas akan bubarkan parti untuk menyertai Umno," katanya.

Mengulas mengenai pertemuan Pas dan Umno untuk duduk semeja membincangkan isu perpaduan Melayu, Dr Mahathir berkata perkara itu sedang berjalan.

"Kita sedang berusaha menentukan tarikh dan tempat. Kita nak bermuzakarah dengan mereka (Pas). Kita nak dengar pendapat mereka. Kita tak boleh nak cakap lebih lanjut sekarang," katanya.

Ditanya adakah pertemuan itu merupakan sebagai langkah permulaan untuk Pas menyertai Umno, beliau berkata ia terpulang kepada pendirian masing-masing.

"Kita bersikap terbuka," katanya.

-- BERNAMA

MAN AKD